

D762

U B710 AAB
MAHATHIR - KESATUAN R R R

KUALA LUMPUR, 26 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA NEGARA TIDAK AKAN MAJU SEKIRANYA SELALU BERLAKU KETEGANGAN AKIBAT PERTELINGKAHAN ANTARA KESATUAN SEKERJA DENGAN MAJIKAN.

SEBAGAI SEBUAH NEGARA MEMBANGUN MALAYSIA MEMERLUKAN PERHUBUNGAN YANG TENANG DAN AMAN ANTARA MAJIKAN DAN KESATUAN SEKERJA BAGI MENARIK PARA PELABUR KE NEGARA INI, KATA PERDANA MENTERI PADA MAJLIS MENGENANG JASA PRESIDEN PERTAMA DAN PENGASAS CUEPACS MENDIANG VALENTINE EMMANUEL JESUDOSS DI SINI.

MENURUT BELIAU, DENGAN BANYAKNYA PELABUR MEMBUAT PELABURAN DI MALAYSIA IA AKAN MEWUJUDKAN LEBIH BANYAK PELUANG PEKERJAAN DAN DAPAT MENGATASI MASALAH PENGANGGURAN.

+TANPA ADANYA PELUANG PEKERJAAN DAN DENGAN MENINGKATNYA PENGANGGURAN, KESATUAN SEKERJA TIDAK AKAN DAPAT MEMPERJUANGKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA KERANA KESATUAN TIDAK MEMPUNYAI ANGGOTA YANG BANYAK,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA PARA PEKERJA AKAN HANYA DAPAT MENGECAPI KEMAJUAN, KESELESAAN HIDUP DAN FAEDAH DARIPADA KEKAYAAN SEKIRANYA NEGARA AMAN DAN MAJU. -- LAGI.

1932MST 26 09 87

U B711 AAB
MAHATHIR - KESATUAN 2 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAH KATA, SELAIN ITU KERJASAMA ANTARA KESATUAN SEKERJA DAN MAJIKAN JUGA PERLU BAGI MEMBOLEHKAN USAHA PEMBANGUNAN DIJALANKAN DENGAN CEPAT DAN MENGHASILKAN PERTUMBUHAN EKONOMI.

BAGAIMANAPUN KATANYA, GERAKAN KESATUAN SEKERJA DI NEGARA INI BERSIFAT SEDERHANA DAN TIDAK MELAMPAU TETAPI PARA PEMIMPINNYA PULA TIDAK KURANG DEDIKASINYA KEPADA TANGGUNGJAWAB MEMBELA NASIB PEKERJA.

BELIAU MENYIFATKAN PARA PEMIMPIN KESATUAN DI NEGARA INI SEBAGAI GOLONGAN YANG LEBIH RASIONAL, BERSIKAP TENANG, SANGGUP BERSABAR DAN LEBIH MENGUTAMAKAN PERUNDINGAN DARIPADA MENGAMBIL TINDAKAN GANAS DALAM MEMPERJUANGKAN HAK PEKERJA.

+DI NEGARA INI, KITA TIDAK MENEMUI DEMONSTRASI KERAS SEPERTI YANG BERLAKU DISESETENGAH NEGARA SEBALIKNYA KESATUAN MEMILIH UNTUK BERUNDING WALAUPUN TERPAKSA MENGAMBIL MASA YANG PANJANG DAN AKHIRNYA MUNGKIN MENGHADAPI KEGAGALAN,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KESABARAN PARA PEMIMPIN DALAM MEMPERJUANGKAN NASIB PARA PEKERJA DI NEGARA INI ADALAH SATU SIKAP YANG BAIK DAN DIHARGAI OLEH KERAJAAN KERANA IA DAPAT MEMBAWA KEPADA IKLIM EKONOMI YANG BAIK KEPADA NEGARA. -- LAGI.

1938MST 26 09 87

U 8712 AAB
MAHATHIR - KESATUAN 3 KUALA LUMPUR R R R

SIKAP TENANG, SABAR DAN MEMILIH PERUNDINGAN SEBAGAI JALAN SEBAIK-BAIKNYA AKAN MEMBAWA KEAMANAN DAN MEMBANGUNKAN NEGARA YANG AKHIRNYA DAPAT MEMBERI NIKMAT KEPADA SEMUA RAKYAT, TAMBAHNYA.

BELIAU BERKATA KEPIMPINAN MENDIANG V.E JESUDOSS HARUS DIJADIKAN SEBAGAI CONTOH KEPADA SEMUA PARA PEMIMPIN ORGANISASI TERMASUK PEMIMPIN-PEMIMPIN POLITIK.

PERDANA MENTERI MENYIFATKAN MENDIANG V.E JESUDOSS SEBAGAI SEORANG PEMIMPIN YANG DEDIKASI YANG MEMPUNYAI BAKAT KEPIMPINAN YANG ULUNG DAN BERSEMANGAT IKHLAS MEMPERJUANGKAN NASIB PEKERJA DI NEGARA INI.

BELIAU BERKATA HASIL USAHA GIGIH MENDIANG ITU KESEMUA KESATUAN SEKERJA DALAM PERKHIDMATAN AWAM DI NEGARA INI TELAH BERJAYA DIGABUNGAN DI BAWAH CUEPACS.

SELEPAS MENDIANG BERSARA, BELIAU TETAP MENJADI INSPIRASI DAN PENASIHAT KEPADA PARA PEMIMPIN KESATUAN YANG LAIN, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIANNYA MERASMIKAN SEBUAH DEWAN YANG DIBERIKAN NAMA DEWAN V.E JESUDOSS SEBAGAI MENGENANG JASA MENDIANG ITU DALAM PERGERAKAN KESATUAN SEKERJA. -- BERNAMA.

1940MST 26 09 87